

UNISSA

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Julai. - Ibadah korban merupakan amalan sunat yang sangat digalakkan dalam Islam iaitu dengan menyembelih binatang tertentu pada Hari Raya Aidiladha, 10 Zulhijah dan Hari Tasyrik iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijah sebagai tanda syukur seorang hamba atas nikmat yang diberikan di samping mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam memuliakan dan merayakan Sambutan Hari Raya

Aidiladha tahun ini, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar mengadakan Majlis Ibadah Korban dan Akikah sempena Hari Raya Aidiladha dan Penyampaian Insentif Pelajar bagi Pencapaian 2022 Masihi, UNISSA yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kampus Sinaut UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang penuh berkebakikan tersebut, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis dimulakan dengan aktiviti bergotong-royong dan diteruskan dengan pembungkusan serta pembahagian daging korban. Majlis diteruskan dengan penyampaian insentif bagi pelajar-pelajar UNISSA dan pengagihan daging korban ke asnaf fakir miskin dan juga warga UNISSA.

Majlis diserikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Dekan Fakulti Syariah dan Undang-undang, Profesor Dato Dr. Zulkifly bin Muda.

Inti pati dari tazkirah tersebut menyentuh mengenai dengan sejarah ibadah korban dan keistimewaannya yang telah dilalui oleh para nabi-nabi yang terdahulu.

Ia juga menekankan betapa agung nya aspek pengorbanan dalam semua aspek kehidupan untuk meraih keberkatan di sisi Allah sama ada duniawi dan ukhrawi.

Sebanyak empat ekor kerbau dikorbankan dan seterusnya diagihkan kepada penerima-penerima yang terdiri daripada golongan asnaf sekitar Kampung Sinaut, Kampung Sungai Kelugos dan juga warga UNISSA.

Turut hadir, penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai, tenaga akademik, pegawai-pegawai dan kakitangan UNISSA.

Majlis tersebut merupakan aktiviti tahunan UNISSA ini diadakan bagi sama-sama merebut peluang untuk melaksanakan ibadah korban dan sekali gus mengeratkan lagi hubungan silaturahim khususnya dalam kalangan masyarakat dan warga UNISSA.





قليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Basmahlumat

MANISNYA IMAN مانيسن ايمان

"SERULAH ke jalan Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) dengan hikmah (kebijaksanaan) dan nasihat pengajaran yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah an-Nahl, ayat 125.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.38 | SUBUH 4.48 | SYURUK 6.12 | DUHA 6.37 | ZUHUR 12.25 | ASAR 3.51 | MAGHRIB 6.36 | ISYAK 7.52

TAHUN 68 | BILANGAN 79 | 3 JULAI 2023 / 1444 ذوالحجّة 14 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

Sambutan Majlis-majlis Ibadah Korban



REKTOR UNISSA hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ibadah Korban dan Akikah sempena Hari Raya Aidiladha dan Penyampaian Insentif Pelajar bagi Pencapaian 2022 Masihi, UNISSA (atas dan atas kanan).